

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 JUN 2014 (RABU)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-----------------|
| 1. | MyCSC baik pulih data | Harian Metro |
| 2. | SIRIM tawar empat teknologi baharu kepada industri | Utusan Malaysia |
| 3. | Penapis air berasas sisik ikan | Harian Metro |
| 4. | Hujan awal Julai depan | Sinar Harian |
| 5. | Enter the long and hot season | The Star |
| 6. | Cabinet to announce measures to deal with El Nino | The Star |
| 7. | Haze brings air quality to unhealthy levels | The Malay Mail |

MyCSC baik pulih data

Konsep keusahawanan ICT juga diperkenal



BERITA IT

Oleh Afiq Hanif

afiq_hanif@hmetro.com.my

Pusat pakar keselamatan siber nasional dan agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), CyberSecurity Malaysia (CSM) melancarkan Klinik MyCyberSecurity (MyCSC) disasarkan bagi membantu memulihkan data yang hilang.

Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, agensinya menasaskan untuk membuka setiap cawangan di seluruh negara menjelang akhir tahun ini yang turut membabitkan program pembangunan keusahawanan.

“Di bawah Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC, kami mahu lebih banyak pusat pemulihan data dibuka kepada orang ramai,” katanya selepas pelancaran MyCSC pertama di Seri Kembangan, Selangor yang disempurnakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

MyCSC menjadi inisiatif terbaru CSM yang dibangunkan bertujuan menyediakan perkhidmatan

EWON (kiri) diberi penerangan mengenai MyCSC.



berkaitan keselamatan siber seperti perkhidmatan forensik digital terdiri daripada pemulihan data, baik pulih cakera keras, data sanitasi dan juga khidmat nasihat mengenai isu yang berkaitan keselamatan siber serta Internet.

Menurut Ewon, MyCSC menjadi ‘touch-point’ kepada rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kepakaran berkaitan keselamatan siber.

“Secara tidak langsung, ia juga platform bagi membantu rakyat, khususnya pengguna Internet mendapatkan perkhidmatan bantuan kecemasan siber dan menyalurkan laporan insiden serta ancaman keselamatan siber ke Pusat Bantuan Cyber999 yang

dikendalikan CSM,” katanya.

Pada majlis yang sama, Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC turut dilancarkan Ewon yang program perkembangan rangkaian MyCyberSecurity berasaskan konsep sistem perlesenan.

“Program ini dijangka melahirkan lebih ramai usahawan baru dalam bidang sains dan teknologi, khususnya dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di samping membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai rakyat Malaysia di seluruh negara,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah CSM Tan Sri Mohd Azumi Mohamed berkata, perkhid-

matan yang disediakan melalui MyCSC memberi banyak faedah serta mampu menyelesaikan masalah kehilangan data dan memulihkan kembali maklumat yang hilang atau padam dari peranti serta gajet ICT.

“Program Pembangunan Keusahawanan MyCSC pula dilihat sebagai satu proses perpindahan kepakaran teknologi yang memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang terbabit secara langsung dalam program terbabit,” katanya.

Selain MyCSC di Seri Kembangan, CyberSecurity Malaysia juga menyediakan perkhidmatan yang sama di cawangan pejabat di Ipoh, Perak.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 25 JUN 2014 (RABU)



ABU Bakar Mohd. Diah melihat antara produk yang dipamerkan sempena pada Program Pemadanan Perniagaan dan Pasaran Teknologi bersempena Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 di Putrajaya, semalam.

SIRIM tawar empat teknologi baharu kepada industri

PUTRAJAYA 24 Jun - SIRIM Berhad terus meningkatkan usaha mengkomersialkan produk dan inovasinya dengan memperkenalkan empat lagi teknologi kepada pelabur berpotensi pada sesi Program Pemadanan Perniagaan dan Pasaran Teknologi bersama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Empat teknologi tersebut yang sedia dikomersialkan ialah mesin pencairi kepersisan mikro, teknologi biokomposit yang menggunakan serat semula jadi untuk menghasilkan perabot dalaman dan luaran, sistem pengudaraan kolam menggunakan tenaga solar dan program kit robotik untuk pelajar.

Presiden dan Ketua Eksekutif Sirim Berhad, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, sebagai penyedia penyelesaian utama, SIRIM menawarkan keupayaan yang komprehensif daripada konsep idea se-

hingga kepada penyelidikan dan pembangunan serta pengeluaran.

“Ini bermakna, mana-mana pelabur yang berurusan dengan kami hanya perlu menentukan lokasi yang sesuai dan terus membangunkan premis untuk penyeluaran,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Pemadanan Perniagaan dan Pasaran Teknologi bersempena Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 di sini hari ini.

Pelancaran program tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah.

Dr. Zainal Abidin berkata, dalam memastikan SIRIM mempunyai daya tarikan perniagaan, syarikat juga tidak hanya bergantung kepada model tradisi iaitu pelesenan paten yang memerlukan rakan kongsi bertanggungjawab sepenuhnya kepada keseluruhan aspek perniagaan dan SIRIM hanya menjadi jurupe-

runding teknikal.

“SIRIM kini melihat kepada pilihan-pilihan perniagaan yang membolehkan pakar-pakar kami terlibat secara langsung, contohnya dalam usaha sama atau anak-anak syarikat ‘spin-off’ yang akan dibangunkan.

“Di samping itu, keadaan syarat tinggi kemasukan bagi inovasi-inovasi SIRIM juga bermakna rakan kongsi kami dijamin akan mendapat monopoli kepada produk berkenaan dengan pulangan yang baik,” katanya.

Sebagai sebuah syarikat yang berpengalaman selama 40 tahun dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi, SIRIM mempunyai portfolio projek inovasi meluas yang boleh ditawarkan.

Sejajar dengan Pelan Pengkomersilan SIRIM, syarikat memperkenalkan 23 produk sepanjang tahun ini termasuk empat teknologi yang ditawarkan pada program pemadanan perniagaan itu.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 50
TARIKH : 25 JUN 2014 (RABU)

■ HWSB, UPSI
meterai
memorandum
bersama

Oleh Ihsan Noorzali
bisnes@mediaprima.com.my

HIJRAH Water Sdn Bhd (HWSB) yang berpangkalan di Tangkak, Johor memeterai memorandum perjanjian persefahaman bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim bagi memasarkan produk keluaran syarikat itu yang berasaskan sisik ikan tilapia yang dihasilkan penyelidik UPSI.

Pengerusi HWSB, Mohamad M Said berkata, syarikat yang mula beroperasi sejak 2009 itu adalah pengeluar dan pembekal penapis air kepada syarikat jualan langsung (MLM) terbesar di Malaysia.

"Kini kami mengambil langkah mengeluarkan jenama sendiri iaitu HIJRAH sebagai pembekal penapis air halal milik penuh Bumiputera yang bebas daripada penggunaan tulang haiwan seperti babi dan haiwan yang tidak disembelih," katanya pada majlis menandatangani memorandum yang disaksikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr



Abu Bakar Mohamad Diah di UPSI, baru-baru ini.

Sebelum ini HWSB menggunakan karbon teraktif daripada sumber tempatan seperti buluh dan tempurung kelapa serta cengkerang laut sebagai sumber kalsium, tetapi kini menggantikan kepada penggunaan teknologi kalsium marin yang berasaskan sisik ikan tilapia hasil

penyelidikan pihak UPSI yang terbukti mampu membekalkan air minuman berkalsium tinggi.

"Keunikan dan revolusi sistem penapis ini bakal dikongsi bersama pasaran luar, malahan syarikat menyasarkan penjualan sehingga ke Brunei, Singapura, Filipina, Indonesia dan ke negara Timur Tengah pada penghujung 2015," katanya.

Menurutnya, kajian terhadap kandungan kalsium dalam sisik ikan tilapia dijalankan Ketua Penyelidik Profesor Madya Dr Ismail Zainol bersama Mohamad Syahrizal Ahmad (UPSI) serta Dr Che Nor Aiza Jaafar dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Zakaria Kasa berkata, bahan Hidroksi Apatit HAp (sebatian mineral yang boleh larut dalam air) berasaskan sisik ikan yang dibangunkan itu bukan sahaja halal malah menunjukkan prestasi lebih baik daripada bahan Hidroksi Apatit yang diguna dalam penapis air berasaskan tulang haiwan kerana ia dapat menghasilkan ion kalsium lebih tinggi.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (EL NINO) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 25 JUN 2014 (RABU)**

Hujan awal Julai depan

HUJAN dijangka berlaku di kebanyakan negeri, termasuk di kawasan Lembah Klang, awal bulan depan.

Pegawai Meteorologi Malaysia, Ambun Dindang berkata, keadaan tanpa hujan terutama di Lembah Klang, dijangka berterusan sehingga hujung minggu ini.

"Hujan diramal turun seawal hujung minggu depan

atau selewat-lewatnya awal Julai nanti.

"Bagaimanapun, keadaan itu pula bergantung kepada perubahan angin yang akan membawa awan hujan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, sekiranya keadaan atmosfera sesuai dan keadaan angin juga berubah, hujan diramal akan berlaku.

Lembah Klang sudah tidak menerima hujan sejak dua minggu lalu menyebabkan berlaku jerebu di sesetengah kawasan bermula beberapa hari lalu, terutama di Pelabuhan Klang dan Banting.

Keadaan ini juga mendorong berlakunya kebakaran hutan di Selangor, namun ia masih boleh dikawal pihak bomba.

Enter the long and hot season

Dry weather to likely bring hazier situation in Peninsular Malaysia

PETALING JAYA: The hot and dry weather will likely prolong the haze situation in Malaysia while the number of hot spots is expected to increase within the next few weeks, according to the **Meteorological Department.**

Its spokesman Dr Hisham Mohd Anip said the increase in the number of hot spots in Sumatra and the change in monsoon winds are likely to bring a hazier situation to Peninsular Malaysia.

"There is a possibility the haze will be worse than that early this year due to the movement of the wind from Indonesia.

"The wind below the upper atmosphere is a bit slow and the haze will move slowly," he said yesterday.



The Asean Specialised Meteorological Centre reported 116 hot spots detected by US National Oceanic and Atmospheric Administration satellite images in Sumatra on Sunday, and the number increased to 129 a day later.

Fifteen additional hot spots were detected in Peninsular Malaysia, three in Sabah and five in Sarawak.

Dr Hisham said there could be scattered showers in the middle of next week, which

could reduce the impact of the haze.

Meanwhile, the air quality in Banting reached unhealthy levels yesterday while several other areas in Selangor recording increasingly deteriorating air quality.

The Air Pollutant Index (API) for Banting hovered from 113 to 121 from noon and by 3pm it was at 125.

Port Dickson recorded readings in the moderate range earlier but passed the unhealthy mark (100) at 8am. It reached 107 at 3pm.

Klang, Batu Muda, Cheras and Putrajaya also showed recordings above 100 at 3pm.

An API of between 51 and 100 is considered moderate, 101-200 unhealthy, 200-300 very unhealthy and 300 and above hazardous.

Cabinet to announce measures to deal with El Nino

KUALA LUMPUR: The Cabinet is expected to announce measures to tackle the dry season and the El Nino phenomenon next week.

Energy, Green Technology and Water Deputy Minister Datuk Seri Mahdzir Khalid said a special committee set up to deal with the situation would hold a meeting on June 30.

It would monitor the impact of the dry weather, including agriculture, health and cli-

mate change, and make suitable preparations.

The committee, set up on May 15, is chaired by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Mahdzir said it was difficult for the ministry to guarantee that water resources such as dams and reserve tanks were sufficient and be unaffected when the phenomenon starts to hit.

He said preparations were being made for

continued water supply using underground water, pools and lakes.

The Meteorological Department has predicted that the country was expected to experience the south-west monsoon, or a dry spell, until September.

The World Meteorological Organisation has also predicted that El Nino might happen by mid-year and could last between six and 18 months. — Bernama



Pedestrians use face masks in Petaling Jaya, where visibility dropped to just 600m yesterday.
— Picture by Zuraneeza Zulkifli

Haze brings air quality to unhealthy levels

PETALING JAYA — There was no mistaking the burnt smell in the air and the dreary skies here yesterday — the haze is back.

According to the **Meteorological Department**, the haze had reduced visibility yesterday afternoon to just 600m in Petaling Jaya, 2.5km in Subang, 4km in Sepang and 5km in Batu Embun, Kuantan. A normal visibility range is 10km.

As for the Air Pollutant Index (API) reading, only Banting recorded an unhealthy level at 5am but 12 hours later, the air quality deteriorated in five other places — Nilai's API reading was 105, Port Klang (110), Batu Muda (122), Cheras (102), Putrajaya (114) and Banting was highest at 127.

An API reading of 101 to 200 is deemed unhealthy; 201 to 300, very unhealthy; and 301 and above, hazardous.

The haze is believed to be mainly

**By Alexander Winifred and
Benedict Ng**

mmnews@mmail.com.my

caused by forest fires in Sumatra, Indonesia. According to a satellite image from the US National Oceanic and Atmospheric Administration at 9am yesterday, there were 129 hotspots in Sumatra and 15 in Malaysia.

Malaysian Fire and Rescue Department director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim said only two of the hotspots were major fires — one at Km25 of the Elite Expressway, the other at Sungai Tinggi, Hulu Selangor.

The 40ha peat fire at the Elite Expressway started on Friday evening and firefighters have been battling the flames ever since. In

Sungai Tinggi, the fire started on Sunday and has since spread from 3.2ha to 4.9ha.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak advised people to remain hydrated and stay indoors if possible.

“As the haze is back, keep yourself properly hydrated, stay indoors if possible and avoid strenuous outdoor activities,” he tweeted yesterday.

Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said cases of respiratory illnesses were expected to rise during this dry season.

He advised the public to stay indoors and drink water as much as possible.

However, he stressed that people should not use the dry season and haze as an excuse to take sick leave when they actually did not get enough rest because of watching late night World Cup matches.